noor izwan architect

K-2-7, Block K, Lorong Metro 4
Metro Town, Jalan Lintas
88300 Kota Kinabalu, Sabah
T: 088 366 720 . F: 088 366 501
E: noorizwanarchitect@gmail.com

Principal
Ar. Noor Izwan Bin Rahim
B. Arch (Hons), UiTM
Dip. Arch, UiTM
APAM

Ruj. : NIA1902/KPKT/BB/BS(070)
Tarikh : 7 Julai 2021

Timbalan Setiausaha Bahagian (PP1),
Bahagian Pembangunan Dan Perlaksanaan Projek,
Cawangan Pengurusan Projek,
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN,
Aras 5-8, No.51,
Persiaran Perdana,
Presint 4,
62100 Putrajaya.

(U/P :- Ar. Wan Mohammad Norshah Bin Abdul Satar)

Tuan,

Cadangan Pembinaan Projek Balai Bomba Dan Penyelamat Beaufort, Sabah.

PENGESAHAN PEMASANGAN PANEL *WALL CLIMBING*

Dengan hormatnya kami merujuk kepada perkara di atas dan makluman diterima daripada wakil JBPM Putrajaya, PgB Asran Bin Sarip pada 29 Jun 2021.

2. Seperti yang sedia maklum, panel *wall climbing* adalah perkakasan untuk latihan yang perlu dipasang di Menara Latihan sepertimana keperluan kontrak yang ditunjukkan didalam Lukisan Pembinaan Arkitektur. Bagaimanapun, berdasarkan makluman daripada pihak JBPM, panel ini tidak lagi perlu dipasang sebaliknya digantikan dengan gelanggang IPPT bagi tujuan latihan. Penyataan ini juga boleh dirujuk (lampiran disertakan) pada senarai penambahbaikan rekabentuk yang kami terima daripada pihak JBPM.

3. Oleh itu pihak kami ingin mendapatkan pengesahan bertulis daripada pihak Tuan berhubung perkara ini sebelum sebarang arahan dikeluarkan kepada pihak Kontraktor. Untuk makluman, pihak Kontraktor kini sedang dalam proses mengemukakan cadangan pembekal dan bahan bagi panel *wall climbing* ini, justeru pengesahan segera daripada pihak Tuan berhubung perkara ini amat diperlukan.

4. Kami juga ingin mendapatkan pengesahan daripada pihak Tuan berhubung keperluan untuk mematuhi cadangan lain (ditanda dengan warna kuning) daripada pihak JBPM yang sebelum ini tidak dibincangkan semasa sesi bengkel rekabentuk di awal pelaksanaan projek.

5. Segala kerjasama daripada pihak Tuan dalam memastikan kelancaran projek ini amat kami hargai. Sekian, terima kasih.

Yang benar,
noor izwan **architect**

Ar. NOOR IZWAN RAHIM
LAM No. A/N 157
Principal

PENGESAHAN PEMASANGAN PANEL *WALL CLIMBING*

s.k – **Ar. Zuhairi Bin Manaf**
Timbalan Setiausaha Bahagian (PP1),
Bahagian Pembangunan dan Perlaksanaan Projek,
Cawangan Pengurusan Projek,
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN,
Aras 5-8, No.51, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya.

En Mohd Arzaleigh Bin Abd Rahman
Ketua Penolong Pengarah Kanan,
Pejabat Wilayah 6 (Sabah / Sarawak)
Cawangan Pelaksanaan Projek,
Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek,
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN,
Tingkat 3, Blok C, Bangunan KWSP, Jalan Karamunsing,
88000 Kota Kinabalu, Sabah.

Tn. Anddre Bin Andrew
Ketua Zon,
Zon 2 (Beaufort),
BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT KUALA PENYU,
Peti Surat 128,
89747 Kuala Penyu, Sabah.

Tn. Mohamad Hasbullah Bin Nenggok
Ketua Balai,
BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT BEAUFORT,
W.D.T. Bil 1,
89809 Beaufort, Sabah.

Ir. Mohd Arzahri Bin Abd Rahman
Director,
AKTIF FA KONSULT SDN BHD
Lot 17 & 19, 2nd Floor, Block C,
Damai Plaza Phase 4,
Jalan Damai, Luyang,
88859 Kota Kinabalu, Sabah.

Ir. Sherman Bin Daim
Project Director,
JURUTERA PERUNDING INTELEK SDN BHD
No. 22-2, 2nd Floor, Block D,
Lorong Plaza Kingfisher 6,
Kuala Inanam Likas,
88400 Kota Kinabalu, Sabah.

Sr. Kent Pan
Principal,
PQS SETIA KONSULT
Shop No.1-2, 2nd Floor, Block B,
Damai Plaza Phase 4,
88300 Kota Kinabalu, Sabah.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN
IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Fire And Rescue Department of Malaysia
Lebuh Wawasan, Presint 7
62250 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : 603-8888 0036
Faks : 603-8888 0842
Portal Rasmi : www.bomba.gov.my
Emel: pembangunan@bomba.gov.my

Ruj Kami : JBPM/IP/PGN:400-16/3 Jld.6 (6)
Tarikh : 7 Mei 2019

Pengarah
Cawangan Kerja Keselamatan
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 16-20, Maju Tower
Peti Surat 10-03, 1001 Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
(u.p.: Hj. Noor Rahim Bin Suleiman)

Tuan,

PROJEK BARU JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA RMKe-11 ROLLING PLAN KEEMPAT (RP4) TAHUN 2019

- Pelaksanaan Cadangan Penambahbaikan Rekabentuk dan Susun Atur Balai Bomba dan Penyelamat Kategori C dan D

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan Mesyuarat Khas Berkaitan Cadangan Penambahbaikan Rekabentuk dan Susun Atur Balai Bomba dan Penyelamat Kategori C dan D yang telah diadakan pada 2 Mei 2019 di Bahagian Pembangunan, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

2. Untuk makluman tuan, mesyuarat bersetuju untuk melaksanakan cadangan penambahbaikan yang yang tidak melibatkan perubahan besar kepada struktur bangunan dalam projek baru Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia RMKe-11 *Rolling Plan* Keempat (RP4) Tahun 2019 bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek mengikut jadual dan tidak melibatkan peningkatan kos yang tinggi.

3. Sehubungan itu, senarai cadangan penambahbaikan yang tidak dapat dilaksanakan pada tahun 2019 akan diteruskan pada tahun 2020. Bersama-sama dengan surat ini disertakan **Cadangan Penambahbaikan Rekabentuk dan Susun Atur Balai Bomba dan Penyelamat Kategori C dan D** untuk

makluman dan tindakan tuan seterusnya. Mohon pihak tuan untuk mengemukakan lukisan lengkap yang telah mengambil kira cadangan penambahbaikan yang terlibat bagi tujuan semakan dan pengesahan Jabatan ini.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(PKPjB OTHMAN BIN ABDULLAH)
Pengarah
Bahagian Pembangunan
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

s.k.:

i. Ketua Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

ii. Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan),
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

iii. Pengarah Cawangan Arkitek,
Jabatan Kerja Raya Malaysia,
Aras 7-13. Menara Tun Ismail Mohamed Ali,
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN REKABENTUK DAN SUSUN ATUR BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT (BBP) KATEGORI C

NO.	KOMPONEN	PERKARA	TAHUN MULA LAKSANA
1.	Laluan Jentera	- Menyediakan keluasan jalan dan *turning circle* yang mencukupi untuk jentera keluar dan masuk ke balai - Lebar jalan dalam 12 meter dan 15 meter di laluan masuk ke ruang jentera - Laluan keluar masuk jentera perlu mematuhi **Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Pindaan 2012), Seksyen 140 (2) (b) laluan hendaklah dilapisi atau diturap atau dipasang dangan papak tebuk yang kukuh untuk menampung muatan beban perkakas bomba seberat 30 tan**.	2019
2.	Ruang Jentera	- Lokasi Ruang Jentera perlu berada di sebelah kanan bangunan balai dan Bilik Kawalan. - Penggantian *heavy duty homogenous floor tiles* kepada lantai jenis *epoxy* yang bersesuaian dan boleh menampung beban jentera bomba sehingga 25 tan - Pemasangan louvres panel di bahagian atas dinding bata sahaja bagi tujuan pengudaraan dengan kecerunan yang bersesuaian bagi mengelakkan kemasukan air hujan dan tempias. - Menyediakan rak simpanan PPE yang bertutup dan berasingan bagi setiap anggota balai daripada jenis *perforated panel.* - Mengeluarkan skop *concrete bench.* - Pemasangan tambahan *heavy duty wall fan.* - Jarak antara *platform* dengan *sliding pole* adalah 60cm. - Pemasangan *roller shutter* jenis *heavy duty high speed spiral roller shutter* menggunakan panel aluminum supaya lebih tahan lasak, tidak melengkung dan tercabut terutamanya ketika angin kencang serta mudah diselenggara. Penggunaan panel *transparent polycarbonate* hanya dibenarkan bagi tujuan penglihatan sahaja (maksimum 3 panel). Tempoh jaminan sehingga lima tahun daripada pengeluar.	2019 2020
3.	Bilik Kawalan/Awasan	- Lantai *raised floor* sekiranya ada keperluan - Menyediakan *whiteboard* dan *softboard* pada dinding - Pemasangan pintu separa kaca bagi membolehkan ruang jentera dapat dilihat dari dalam Bilik Kawalan - Pemasangan *glass panel* bagi membolehkan Ruang Jentera dapat dilihat secara terus dari Bilik Awasan.	2019

		- Menyediakan *sliding window* atau bukaan akses yang bersesuaian di Bilik Awasan bersebelahan Ruang Jentera bagi tujuan komunikasi antara petugas di Bilik Awasan dengan jentera bomba.	
4.	Bilik Mesyuarat	- Keperluan saiz Bilik Mesyuarat yang boleh memuatkan sebanyak 50 orang pada satu masa.	2020
5.	Ruang Lobi	- Cadangan pemasangan sistem penyaman udara di ruang menunggu.	2020
6.	Setor Peralatan, Bilik Penyelia, Setor BA & PPDA	- Turut menempatkan Bilik Penyelia. - Pemasangan sistem penyaman udara berfungsi 24 jam. - Bersambung dangan Bilik Awasan. - Cadangan pemasangan *glass wall.*	2019 2020
7.	Bilik Servis	- Tambahan bilik untuk menempatkan *server*, sistem telekomunikasi, panel penyaman udara dan lain-lain keperluan sistem mekanikal dan elektrikal. - Pintu akses dari koridor dalam - Keperluan pemasangan sistem penyaman udara berfungsi 24 jam	2019
8.	Bilik Bersedia Lelaki & Bilik Bersedia Wanita	- Tukar nama Bilik Persalinan Lelaki dan Bilik Persalinan Wanita kepada Bilik Bersedia Lelaki dan Bilik Bersedia Wanita termasuk menyediakan bilangan tandas mencukupi yang berserta *shower.*	2019
9.	Bilik Pantri	- Rekabentuk Bilik Pantri perlu mengambil kira fungsi keseluruhan termasuk keperluan dapur memasak dan peti sejuk. - Penambahan *casement window* di sekeliling Bilik Pantri bagi tujuan pengudaraan. - Pemasangan *heavy duly wall mounted exhaust fan* tambahan bagi tujuan pengudaraan. - Pemasangan *heavy duty wall fan* bagi menggantikan penyaman udara. - Pemasangan *kitchen hood.*	2019
10.	Perabot dan Langsir	- Projek pembinaan balai baru perlu dilengkapi dengan kemudahan perabot (*fix* & *loose furniture*) dan langsir (*curtain blind*) serta keperluan *window film (tinted).*	2019
11.	Setor Utiliti	- Pemasangan *louvres window* di sekeliling setor dan *ventilation fan* bagi tujuan pengudaraan	2019

12.	Pagar Perimeter	- Tapak projek yang masih belum berpagar perlu dipagar sepenuhnya mengikut keluasan sebenar tanah. Sekurang-kurangnya pagar jenis PVC *coated chain link fence*	2019
13.	Perancangan Pembangunan Pada Masa Hadapan	- Lukisan rekabentuk perlu mengambil kira perancangan pembangunan pada masa hadapan seperti pembinaan Kuarters dan Menara Latihan.	2019
14.	Gelanggang *Individual Physical Performance Test* (IPPT)	- Menyediakan Gelanggang IPPT Terbuka untuk latihan dan ujian kecergasan anggota balai. - Cadangan untuk mengeluarkan skop *wall climbing* dan digantikan dengan gelanggang IPPT.	2019 2020
15.	Menara Latihan dan Padang Kawad	- Cadangan memasukkan skop *fire hose drying hoist* untuk dipasang di Menara Latihan.	2020
16.	Kemasan lantai tandas	- Cadangan untuk menggantikan jubin lantai kepada lantai jenis *epoxy* yang bersesuaian.	2020
17.	Kamera Keselamatan (CCTV)	- Cadangan pemasangan sistem CCTV berserta kelengkapan yang berkaitan di balai bomba baru yang hendak dibina.	2020
18.	Landskap dan Pokok Tanaman	- Pemilihan pokok tananam yang mudah diselenggara. - Cadangan untuk menempatkan pokok buah-buahan tidak bermusim di sekeliling kawasan balai (kelapa pandan, manga, rambutan dan yang bersesuaian).	2020